

1984

KUALA LUMPUR, 7 JAN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMBERI TUNPUAN UNTUK MENYEDIAKAN BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN DAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN-KAWASAN TANAH SIMPANAN MELAYU YANG TERLETAK DI BANDAR, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BERUCAP MERASMIKAN DEWAN SERBAGUNA JALAN HAMZAH KAMPUNG BARU DI SINI HARI INI BELIAU BERKATA SEKIRANYA KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN DIABAIKAN AKAN TIMBUL RASA TIDAK PUASHATI DI KALANGAN PENDUDUK YANG MELIHAT KAWASAN LAIN DI SEKILILING MEREKA MENIKMATI BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN DAN JAUH LEBIH MAJU.

KATANYA KEADAAN INI BOLEH MENCETUSKAN KEJADIAN-KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI DI KAWASAN-KAWASAN TERBEBUT DENGAN KAWASAN SEKITARNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGAIMANAPUN OLEH KERANA MASALAH PERUNTUKAN RANCANGAN-RANCANGAN UNTUK MEMAJUKAN KAWASAN-KAWASAN DEUMPAMA ITU TERPAKSA DILAKSANAKAN BERPERINGKAT-PERINGKAT.

BELIAU BERKATA PERKAMPUNGAN DI TANAH SIMPANAN MELAYU DIUJUDKAN KERANA SUATU MASA DULU RAMAI ORANG MELAYU TIDAK DAPAT TINGGAL DI BANDAR-BANDAR SEPERTI KUALA LUMPUR KERANA HARGA TANAH YANG MAHAL.

BAGAIMANAPUN HASIL DASAR EKONOMI BARU (DEB) KINI KEADAAN TELAH BERUBAH DAN ADA ORANG MELAYU YANG TINGGAL DI BANDAR-BANDAR TIDAK LAGI BERGANTUNG KEPADA TANAH SIMPANAN MELAYU MALAHAN MAMPU MEMBELI TANAH DARI ORANG LAIN.

MAHATHIR-TANAH 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA DALAM PADA ITU MASIH ADA ORANG MELAYU YANG TERPAKSA TINGGAL DALAM KAWASAN TANAH SIMPANAN MELAYU DAN OLEH ITU ADALAH MENJADI TANGUNGJAWAB KERAJAAN MEMBANTU GOLONGAN INI. "OLEH ITU TUNPUAN AKAN DIBERI KEPADA KAWASAN-KAWASAN SEPERTI INI," KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUNUMKAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM3 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU ATAS PERMINTAAN PENDUDUK KAMPUNG TERSEBUT.

BELIAU BERHARAP MEREKA DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN YANG PESAT BERUBAH DAN BERUSAHA MEMAJUKAN DIRI DENGAN MEMPEROLEHI KEMAHIRAN YANG PERLU UNTUK HIDUP DI BANDAR.

-- BERNAMA 2100/LK